



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 4 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	EAT MORE LOCAL FRUITS, PUBLIC URGED, NATION, THE STAR, M/S – 13	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	FAMA MAHU GANDA OUTLET KOPIESATU, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 23	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	BOT BESAR CEROBOK TANGKAP SUMBER LAUT, NEGARA, KOSMO, M/S – 14	LAIN – LAIN
4.	SUNGAI BUKIT RAMBAI TERCEMAR, PEKEBUN RISAU HASIL TERJEJAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 12	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Eat more local fruits, public urged

'Picking homegrown ones a win for our farmers'

By MUGUNTAN VANAR
vmugu@thestar.com.my

KOTA KINABALU: Malaysians have been urged to support local farmers by consuming more homegrown fruits, says Deputy Agriculture and Food Security Minister Datuk Chan Foong Hin.

Speaking at the "Jom Sapot Buah-Buahan Tempatan" programme here, Chan said the initiative, spearheaded by his, Kota Kinabalu parliamentary service centre, aims to promote fresh local produce, encourage healthy eating and strengthen the rural economy.

"This programme is in line with the national campaign to eat

more local fruits.

"It is also a way to show support for our farmers while ensuring Malaysians enjoy healthier diets," he said while outlining the Federal Government's commitment to supporting Sabah's agricultural development.

He said the federal allocations were worth RM86.43mil for 51 agricultural projects in Sabah this year.

Under Budget 2026, the Agriculture and Food Security Ministry received RM6.87bil nationwide, with RM2.04bil earmarked for development.


Of this, he said Sabah will benefit from RM86.43mil across 51 projects, including 39 new initia-

tives and 12 ongoing ones.

The key allocations were RM25.73mil for the Sabah Veterinary Services Department, RM18.1mil for the Sabah Agriculture Department and RM14mil for the Sabah Fisheries Department.

Chan said the close coordination between federal and state governments is essential to ensure farmers, livestock breeders and fishermen feel the direct impact of these projects.

Chan also highlighted the Federal Government's launch of the National Food Security Policy 2030, which sets strategies and key performance indicators to transform the agri-food sector.



Fruitful endeavour: The 'Jom Sapot Buah-Buahan Tempatan' campaign aims to promote fresh local produce, encourage healthy eating and strengthen the rural economy. — FAIHAN GHANI/The Star

"The policy aims to boost the sector's added value to 1.5% by 2030 under the 13th Malaysia Plan.

"Food security is not just about production. It requires policy coordination, efficient implementation,

and integrated cooperation across agencies and administrative boundaries," he added.

Chan said with strong teamwork and strategic partnerships, Sabah's agri-food sector will remain resilient and competitive.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2026	HARIAN METRO	BISNES	23



AMINUDDIN (kanan) menghasilkan minuman sendiri di cawangan Kopiesatu baharu di Dataran Senawang.

FAMA mahu ganda outlet Kopiesatu

Seremban: Trend pembukaan outlet berasaskan minuman kopi jenama tempatan meningkatkan permintaan bahan mentah berkenaan sekali gus merancakkan industri huluan kopi lokal.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, golongan muda turut digalakkan menceburi industri huluan kopi yang berpotensi menjana pendapatan.

"FAMA mempelawa usahawan memandangkan di belakang outlet Kopiesatu ini, kita ada pengeluaran kopi dan ia menjanjikan potensi luar biasa.

"Kopiesatu mendapat sambutan luar biasa di pasaran dan ini menjanjikan

peluang baik. FAMA sangat mengharapkan penyertaan usahawan bukan sekadar di outlet sahaja, tetapi mereka yang berminat untuk penanaman kopi," katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian outlet Kopiesatu Dataran Senawang yang disempurnakan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun, baru-baru ini.

Menurutnya, sasaran FAMA pada 2025 adalah untuk membuka empat outlet di Negeri Sembilan, namun pihaknya terpaksa membuat sedikit ubah suai berdasarkan permintaan semasa.

"Melihat trend semasa, kami menjangkakan untuk menggandakan jumlah outlet yang bakal dibuka tahun ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2026	KOSMO	NEGARA	14

Bot besar ceroboh tangkap sumber laut

PASIR PUTEH – Pencerobohan bot-bot bersaiz besar di luar zon penangkapan ikan yang ditetapkan berisiko menjejaskan sumber laut dan kelangsungan hidup nelayan kecil di perairan Kelantan.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, sebarang aktiviti menangkap ikan di luar zon yang dibenarkan merupakan kesalahan di bawah Seksyen 8(b), Akta Perikanan 1985.

“Dalam peruntukan itu ia melanggar syarat sah lesen apabila bot nelayan beroperasi di bawah 15 batu nautika tanpa kebenaran.

Menurutnya, setakat ini, tiada kes pencerobohan zon penangkapan berlaku di perairan Kelantan, namun terdapat kes terpencil melibatkan bot Zon C memasuki kawasan Zon B dan A.

“Keadaan itu mencetuskan kebimbangan dalam kalangan nelayan pesisir pantai kerana bot Zon A bersaiz kecil dan bergantung sepenuhnya kepada hasil di kawasan pantai.

“Jika bot lebih besar menceroboh, hasil tangkapan nelayan kecil akan terjejas. Zon

tangkapan ikan ditetapkan oleh Jabatan Perikanan bagi memastikan keseimbangan ekosistem marina,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat APMM di Tok Bali di sini semalam.

Erwan Shah memberitahu, pembahagian zon tersebut bagi mengelakkan eksploitasi berlebihan sumber perikanan, melindungi unjang dan tukun ikan daripada rosak akibat pukut tunda.

Menurutnya, langkah itu bagi menjamin pendapatan nelayan kecil yang bergantung kepada kawasan pantai dan mengawal penggunaan alat tangkapan mengikut kesesuaian zon.

“Penggunaan pukut tunda di zon tidak dibenarkan boleh merosakkan unjang dan habitat ikan sekali gus memberi kesan jangka panjang kepada hasil laut.

“APMM tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap bot nelayan yang melanggar peraturan zon termasuk pendakwaan di bawah Akta Perikanan 1985,” ujarinya.

Beliau berkata, pelanggaran zon tangkapan ikan di Kelantan adalah rendah dan terkawal malah tiada rekod tangkapan kes sepanjang tahun lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
4/2/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Sungai Bukit Rambai tercemar, pekebun risau hasil terjejas

MELAKA: Pekebun sayur dan buah-buahan di kawasan Bukit Rambai di sini, berada dalam kebimbangan selepas sungai berhampiran kebun mereka bertukar kehitaman dan berbau busuk sejak tiga minggu lalu, dipercayai akibat pelepasan air sisa industri yang tidak dirawat.

Seorang pekebun Fong Ah Chan, 72, berkata, situasi itu menimbulkan keresahan kerana pekebun bergantung sepenuhnya kepada air sungai bagi tujuan pengairan tanaman seperti kangkung, keledak dan kesom.

"Setakat ini belum nampak kesan pada tanaman, tetapi kalau keadaan ini berlarutan, saya risau hasil kebun terjejas," katanya.

Pekebun buah-buahan, Lee Kau, 68, berkata, pencemaran merosakkan tanamannya seperti jambu, durian dan rambutan, malah mendakwa buah jambu kebunnya mulai gugur.

Penduduk, Nor Lukman Mohd. Said, 29, berkata, bau busuk menjejaskan aktiviti harian, malah kawasan memancing


yang dahulunya popular kini ditinggalkan.

Tinjauan mendapati sungai sepanjang 10 kilometer itu tercemar akibat pelepasan air sisa industri dari kolam takungan banjir di kawasan perindustrian Bukit Rambai sebelum mengalir ke sungai.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang, Datuk Lim Ban Hong berkata, hasil lawatan tapak bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) mendapati kolam takungan mengandungi air sisa industri berwarna hitam dan berbau busuk.

"Sepatutnya kolam ini hanya menakung lebihan air hujan sebelum dilepaskan ke sistem parit dan sungai. Baunya hampir sama dengan kes pencemaran di Sungai Air Salak sebelum ini," katanya yang mencadangkan penubuhan jawatankuasa khas mengambil sampel air dan mengenal pasti kilang terlibat.

Pemantauan rapi dan tindakan tegas perlu diambil untuk mengelak kejadian sama berulang.



PEKEBUN menunjukkan keadaan air sungai yang hitam dan berbau busuk di kawasan Bukit Rambai, Melaka, semalam. - UTUSAN/AMRAN ALI